

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : Bil.(27) dlm.MPK/R/A:T/2-07

Tarikh : **13** Januari 2026

Senarai Edaran

YH. Dato' / Tuan

PEKELILING JABATAN PERANCANG BANDAR BIL.1/2026

- KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN (TAMBAHAN UBAHSUAI) BAGI TAMBAHAN BANGUNAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan, merujuk kepada keputusan **Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Bil.42/2025 pada 25 November 2025** yang diperakukan di **Mesyuarat Penuh Bil.12/2025 pada 23 Disember 2025** telah meluluskan Cadangan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Tambahan Ubahsuai) dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan selaras dengan **peruntukan Seksyen 19 (2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**.

3. Perincian Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Tambahan Ubahsuai) adalah seperti berikut:

- i. Cadangan tambahan / ubahsuai bangunan perniagaan dan perindustrian yang berkeluasan 500 kaki persegi keatas (terbuka / tertutup) perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (Tambahan Ubahsuai) ke Bahagian Pusat Setempat (OSC).
- ii. Fi proses adalah tertakluk kepada Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Pahang) (Pindaan) 2024 berdasarkan pertambahan luas lantai bangunan.
- iii. Melibatkan agensi teknikal luaran iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium Sdn Bhd, PAIP, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain agensi yang berkaitan di peringkat OSC Online.

Bil.(27) dlm.MPK/R/A:T/2-07

4. Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta**. Sehubungan dengan itu, dimohon YH. Dato' / Tuan mengambil maklum berkaitan perkara ini serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian terima kasih.

"KUANTAN BANDARAYA INDAH LESTARI"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZALIZA BIN ZULKIPLI, DIMP., AAP.)
Datuk Bandar Kuantan
Majlis Bandaraya Kuantan